

05 JUN 2002

ZAINAL DILANTIK NAIB PENERUSI PERSIDANGAN BURUH ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan anggota Badan Pentadbiran Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) Senator Zainal Rampak dilantik sebulat suara sebagai naib penerusi (Kumpulan Pekerja) Persidangan Buruh Antarabangsa Kesembilan yang bermula pada 3 Jun di Geneva.

Menurut kenyataan sekretariat MTUC di sini hari ini, pemilihan Zainal sebagai naib penerusi persidangan itu amat penting bagi Malaysia kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual berucap pada persidangan itu pada 11 Jun. Persidangan itu akan berakhir pada 20 Jun.

"Ini adalah satu penghormatan bagi Malaysia kerana ini merupakan kali pertama pemimpin kesatuan sekerja Malaysia dilantik sebagai naib penerusi persidangan itu," menurutnya.

Menurut kenyataan itu, Jean Jacques Elmiguer, wakil kerajaan dari Switzerland dilantik sebagai penerusi persidangan manakala dua lagi naib penerusi (Kerajaan dan Kumpulan Majikan) adalah dari Pakistan dan Austria.

Selaku naib penerusi, Zainal akan mempengerusikan sesi persidangan bersama-sama dengan penerusi dan dua lagi naib penerusi.

Pemilihan bagi Badan Pentadbiran ILO dijadual diadakan pada Isnin ini dan Zainal yang merupakan wakil pekerja dari Malaysia menawarkan dirinya bagi dilantik semula bagi penggal tiga tahun.

-- BERNAMA

SHI AZH RHM